

Jawab semua soalan

1 Antara berikut, manakah pernyataan yang benar tentang perkara-perkara penting semasa menulis algoritma?

- I Bahasa yang boleh difahami oleh manusia seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris digunakan dalam menulis langkah-langkah dalam algoritma.
- II Langkah yang ditulis mestilah dalam bentuk yang ringkas.
- III Langkah-langkah mestilah ditulis dalam urutan yang betul.
- IV Algoritma yang ditulis mestilah mempunyai kesudahan tertentu dalam suatu tempoh masa.

- A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV

2 Apakah yang lazim digunakan untuk mewakili algoritma?

- I Gambar rajah
- II Carta alir
- III Pseudokod
- IV Perenggan

- A I dan III C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3 Teliti pseudokod di bawah.

```

:
:
JIKA kata laluan tepat
PAPARKAN akaun Yahoo! Mail
JIKA TIDAK
PAPARKAN ruang nama pengguna dan
kata laluan
TAMAT JIKA
:
:

```

Apakah jenis struktur kawalan bagi pseudokod di atas?

- A Struktur kawalan pilihan tunggal
- B Struktur kawalan dwipilihan
- C Struktur kawalan pelbagai pilihan
- D Struktur kawalan ulangan

4 Apakah ralat yang biasa dijumpai dalam algoritma?

- A Ralat logik C Ralat sintaks
B Ralat masa larian D Ralat ejaan

5 Apakah struktur kawalan yang sesuai bagi data yang mempunyai lebih daripada dua tindakan?

- A Struktur kawalan pilihan tunggal
- B Struktur kawalan dwipilihan
- C Struktur kawalan pelbagai pilihan
- D Struktur kawalan ulangan

6 Teliti carta alir di bawah.



Antara berikut manakah pernyataan yang benar tentang carta alir di atas?

- I Satu set langkah akan dilaksanakan selagi satu syarat diuji adalah benar.
- II Syarat diuji dahulu sebelum langkah-langkah dalam gelung dilaksanakan.
- III Ia merupakan struktur kawalan ULANG-SEHINGGA.
- IV Digunakan apabila bilangan ulangan tidak dapat dikenal pasti.

- A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV

7 Apakah yang menyebabkan berlakunya ralat logik dalam algoritma?

- I Kesilapan kod arahan
- II Format pengekodan salah
- III Langkah salah diminta untuk dilaksanakan
- IV Urutan pelaksanaan tidak betul

- A I dan III C II dan III
B II dan IV D III dan IV

8 Apakah langkah pertama menghasilkan pseudokod dan carta alir?

- A Mengenal pasti masalah
- B Mereka bentuk algoritma
- C Menulis pseudokod dan melukis carta alir
- D Menentukan output yang diinginkan

9 Satu arahan yang mengarahkan komputer melakukan sesuatu tugas dikenali sebagai

- A atur cara program
- B struktur kawalan
- C kod arahan
- D sistem asas 10

10 Pemboleh ubah boleh disimpan dalam bentuk data berikut kecuali

- A pseudokod
- B nilai berangka
- C teks
- D nilai logik